



KEMENTERIAN PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

PELAN STRATEGIK MOTAC 2021-2025





**PELAN
STRATEGIK**
KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
2021-2025

15 FEB
15th FEB
10 PAGI - 12
10 AM
PADAN

ENDAU ROMPIN
- PAHANG

Cetakan Pertama 2021
HAK CIPTA TERPELIHARA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA MALAYSIA

No. IBSN
978-967-19607-0-7

Hak cipta terpelihara Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia serta kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan logo kecuali dinyatakan sebaliknya. Tiada mana-mana bahagian boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dipindah, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu.

Direka oleh:
Taufiq Asma'i Bin Ahmad Mansur

Dicetak oleh:
WB Event And Management SDN. BHD.



KANDUNGAN

- 01 | Perutusan YB Menteri
- 02 | Sekilas Pandang Ketua Setiausaha
- 03 | Sejarah Kementerian
- 04 | Punca Kuasa
- 05 | Carta Organisasi Kementerian
- 07 | Piagam Pelanggan
- 08 | Analisis Persekitaran Dan Cabaran
- 09 | Visi, Misi Dan Objektif
- 10 | Nilai-Nilai Bersama
- 13 | Teras Strategik
- 23 | Kerangka Pelan Strategik
- 24 | Strategi Dan Pelan Tindakan
- 44 | Aspirasi Pasca 2025
- 47 | Akronim
- 49 | Sekalung Penghargaan



PERUTUSAN YB MENTERI

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Syukur dengan izin-Nya, Pelan Strategik Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) 2021-2025 dapat direalisasikan. Perencanaan pelan ini amat mencabar memandangkan ia dibangunkan ketika penularan pandemik COVID-19.

Pandemik ini telah memberi kesan kepada seluruh dunia. Bagi Malaysia, ia mencatatkan satu lagi episod dalam lipatan sejarah negara yang memberi cabaran tanpa duluan dalam usaha mengurus dan memulihkan semula sosio-ekonomi negara. Gaya hidup manusia juga mula berubah ke arah pengamalan cara hidup norma baharu. Cogan kata 'KITA JAGA KITA' merupakan pendekatan terbaik untuk menggerakkan komitmen rakyat dalam usaha memutuskan rantaian penularan pandemik ini. Pengalaman ini telah menguji keupayaan kita untuk bersedia, menyesuaikan diri dan mencari jalan penyelesaian bagi setiap cabaran yang dihadapi serta menambahbaik setiap kekurangan.

Tempoh tahun 2021 hingga 2025 merupakan fasa yang kritikal bagi pemulihan industri. Pelan Strategik MOTAC 2021-2025 ini telah mengambil kira usaha-usaha untuk memulih dan merancakkan semula industri pelancongan dan kebudayaan negara. Melalui pelaksanaan 8 teras utama yang dirangka, saya percaya kita akan dapat membina ekosistem industri yang inklusif.

Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat khususnya Bahagian Dasar Kebudayaan dan Bahagian Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa dalam menghasilkan Pelan Strategik MOTAC 2021-2025 ini.

SEKILAS PANDANG KETUA SETIAUSAHA

Dato' Dr. Noor Zari Bin Hamat

Ketua Setiausaha Pelancongan, Seni dan Budaya
Malaysia

Rangka kerja dan hala tuju Pelan Strategik Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi tempoh 2021-2025 dirangka secara holistik dengan mengambilkira senario semasa termasuk isu dan cabaran ketika ini di mana semua negara termasuk Malaysia telah dilanda Pandemik Covid-19. Cabaran ini sangat besar bagi sektor pelancongan dan kebudayaan di mana kedua-dua sektor ini antara yang paling terkesan dan harus diharungi oleh MOTAC dan seluruh warganya dengan tabah.


Pelan Strategik MOTAC tetap diteruskan kerana hala tuju dan masa depan sektor pelancongan dan kebudayaan perlu dipacu bagi memastikan ia terus berdaya saing, mampan dan lestari. Kerangka Pelan Strategik MOTAC adalah selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12, Dasar Pelancongan Negara (DPN) dan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN). Pelan Strategik ini juga turut menyelusuri arus perjalanan menuju Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals/SDG*) 2030.

Pelan Strategik MOTAC 2021-2025 dengan visi "Malaysia-Destinas Lestari Kaya Budaya" dan misi untuk "Memperkasakan Ekosistem Industri Pelancongan dan Kebudayaan Yang Inklusif" ini dirangka secara komprehensif dengan mengambil kira fungsi, peranan dan hala tuju setiap Bahagian/Jabatan dan Agensi di bawahnya. Pelan ini merangkumi lapan (8) teras strategik dan satu (1) pendaya upaya yang akan menyokong misi dan visi kementerian untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

Adalah menjadi harapan agar lapan (8) teras strategik dan satu (1) pendaya upaya ini menjadi panduan kepada pelaksanaan serta pemantauan strategi dan pelan tindakan yang ditetapkan. Semua projek dan program yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan dan memberi impak besar kepada pemegang taruh MOTAC. Semoga Pelan Strategik MOTAC 2021-2025 menjadi satu dokumen rujukan hala tuju MOTAC bagi menjadikan Malaysia destinasi unik yang kaya budaya.




SEJARAH KEMENTERIAN



LADANG TEH CAMERON HIGHLAND
PAHANG

PUNCA KUASA

- 01 | Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 (Akta 2)
- 02 | Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482)
- 03 | Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 (Akta 594)
- 04 | Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80)
- 05 | Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)
- 06 | Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
- 07 | Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)
- 08 | Akta Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2014 (Akta 760)
- 09 | Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 (Akta 222), Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan) 1983 (Akta A562)
- 10 | Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481)
- 11 | Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 (Akta 653)
- 12 | Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2011 (Akta 724)



CARTA ORGANISASI

KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

UNIT PERUNDANGAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIT INTEGRITI

UNIT AUDIT DALAM

UNIT KPI

JKKN

PIAGAM PELANGGAN KEMENTERIAN

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti dan komited di dalam melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:

PELESENAN

Mengeluarkan surat kelulusan lesen kepada syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan (TOB/TAB) selepas 20 hari dari tempoh Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Perakuan Permohonan dan Rayuan Lesen (MJPPPR) diluluskan.

PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN

Menguruskan Pinjaman Dana Pelancongan dengan cara:

- Memproses dan memanggil untuk pembentangan permohonan dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- Mengeluarkan keputusan permohonan dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pembentangan.

Memproses permohonan Galakan Cukai bagi pengusaha pelancongan dalam masa lima (5) hari bekerja setelah permohonan lengkap.

Memproses permohonan Pendaftaran Projek Pelancongan dalam masa 20 hari bekerja setelah permohonan lengkap.

PUSAT PELANCONGAN MALAYSIA

Mempertingkatkan perkhidmatan kaunter Pusat Pelancongan Malaysia yang cekap dan mesra dalam tempoh menunggu tidak melebihi dari 10 minit serta memberi maklumat yang tepat kepada pelancong.

Menguruskan permohonan tempahan dan sewaan ruang

Pusat Pelancongan Malaysia dalam tempoh lima (5) hari bekerja dengan cekap dan menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal yang berkualiti.

TABUNG KEBAJIKAN PENGGIAT SENI DAN TABUNG AMANAH KEBUDAYAAN

Menguruskan pembayaran permohonan bantuan Tabung Kebajikan Penggiat Seni dan Tabung Amanah Kebudayaan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Kebudayaan dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari bekerja.

PEMBANGUNAN

Mengesahkan dokumen pembayaran kepada pihak kontraktor/perunding dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

PENGURUSAN ADUAN


Memberi respon kepada aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berbudi bahasa dalam tempoh masa berikut:

- Mengeluarkan surat akuan penerimaan aduan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima;
- Mengeluarkan surat tindakan susulan/siasatan/jawapan aduan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh aduan diterima.

PENGURUSAN KEWANGAN

Memastikan bil dan invois dibayar dalam tempoh 14 hari dari penerimaan dokumen yang lengkap.

ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN



VISI, MISI DAN OBJEKTIF

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

Visi

Malaysia - Destinasi Lestari Kaya Budaya

Misi

Memperkasakan Ekosistem Industri Pelancongan dan Kebudayaan Yang Inklusif

Objektif

- Memperkasa produk/program pelancongan dan kebudayaan ke arah mengukuhkan jati diri bangsa.
- Meningkatkan sinergi dan kerjasama antara penggiat sektor pelancongan dan kebudayaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan.
- Mempromosikan keunikan seni, budaya dan warisan Malaysia serta produk-produk pelancongan sebagai pemangkin utama pertumbuhan sektor pelancongan dan kebudayaan negara.
- Menyediakan modal insan yang berilmu, berkemahiran, kreatif dan inovatif dalam sektor pelancongan dan kebudayaan

KLCC
KUALA LUMPUR



NILAI-NILAI BERSAMA

S

SINERGI

Bersatu menjalinkan kerjasama bersinergi dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah selaras dengan visi, misi dan objektif Kementerian ke arah mendokong agenda pembangunan negara



I

INOVATIF

Sentiasa melakukan perubahan untuk penambahbaikan perkhidmatan dan penghasilan produk melalui amalan kerja yang kreatif dan inovatif selaras dengan fungsi Kementerian yang terlibat dalam perkhidmatan hospitaliti dan industri kreatif



K

KOMPETEN

Sentiasa bersemangat dan mengamalkan budaya pencapaian yang konsisten dalam menghasilkan mutu kerja yang cemerlang



A

AKAUNTABILITI

Berpegang pada akauntabiliti iaitu sifat bertanggungjawab terhadap sesuatu keputusan dan tindakan serta bersedia memberi penjelasan/kewajaran



P

PROFESIONALISME

Berpegang pada ciri-ciri profesionalisme dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan bersikap bijaksana, mendahulukan kepentingan awam serta komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik



Nilai-nilai bersama yang diamalkan oleh warga Kementerian dalam usaha mencapai Visi, Misi dan Objektif yang telah disasarkan

PERAIRAN SABAH



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA KEMENTERIAN

12.4 JUTA

KETIBAAN PELANCONG (2025)

RM 40.8 Billion
Pendapatan Sektor Pelancongan

RM 1.05 Billion
Pendapatan Sektor Kebudayaan



NOTA: Penetapan sasaran mengambil kira sempadan negara dibuka semula, penularan pandemik COVID-19 berkurangan dan keberkesanan vaksin.

Teras Strategik

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

1. Memperkasa Tadbir Urus
2. Merangsang Produktiviti Penjaan Ekonomi
3. Mengadaptasi Teknologi Digital
4. Mengukuhkan Pembangunan Kandungan dan Infrastruktur
5. Memperkasa Jaringan Kerjasama Strategik
6. Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan dan Produk
7. Mendayaupayakan Usaha-Usaha ke Arah Kelestarian
8. Membangunkan Modal Insan

Strategi 1

MEMPERKASA TADBIR URUS

BIDANG FOKUS

- Sistem Penyampaian Perkhidmatan
- Penguatkuasaan
- Dasar dan Perundangan
- Pengukuhan Organisasi

Tadbir urus yang efisien dalam pengurusan organisasi merupakan elemen penting bagi memastikan dasar, program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Kecekapan tadbir urus merupakan teras utama dalam memacu hala tuju yang strategik, sinergi dan dinamik di pelbagai peringkat. Tumpuan harus diberikan kepada usaha-usaha memperkasakan aspek koordinasi dan penyelarasan peranan antara agensi Kerajaan melalui pendekatan *citizen centric*.

Sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan perlu menitikberatkan aspek pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara holistik. Ini merangkumi penggubalan Pelan Strategik yang komprehensif dan pembangunan sistem penilaian berdasarkan kompetensi iaitu *Competency Based Assessment (CBA)*. Selain itu, keperluan untuk mengkaji semula peranan setiap Bahagian/ Jabatan/Agensi dan melaksanakan kajian struktur organisasi berdasarkan keperluan serta kehendak semasa merupakan antara strategi yang harus diperluaskan dalam usaha mengukuhkan tadbir urus organisasi.

Aspek penguatkuasaan, kerjasama bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam merencanakan program berbentuk *self-regulated* perlu terus dipergiatkan. Selain aspek perundangan meliputi kajian dan penambahbaikan akta, penggubalan akta baharu dan penyediaan Garis Panduan serta Peraturan yang relevan dapat membantu menghasilkan *outcome* yang cemerlang dalam tempoh lima tahun ini.

Pelan Pengurusan Risiko perlu diberi penekanan dalam menggariskan hala tuju pengurusan risiko berteraskan aspek-aspek perundangan, strategik, keselamatan maklumat, sumber manusia, reputasi, kewangan dan operasi. Elemen pengurusan risiko dilihat melalui aspek penilaian dan mengawal risiko turut menyumbang kepada antara ciri-ciri sesebuah organisasi yang cemerlang.





Strategi 2

MERANGSANG PRODUKTIVITI PENJANAAN EKONOMI

BIDANG FOKUS

- Pembangunan Produk
- Pembangunan Kemahiran
- Adaptasi Teknologi
- Pengewangan (*Monetising*)
- Insentif dan Kerjasama Pintar

Industri pelancongan dan kebudayaan dilihat antara penyumbang terbesar kepada sosioekonomi negara yang memberi impak kepada pertumbuhan pembangunan serta masyarakat setempat. Demi memastikan kelangsungan industri pelancongan dan kebudayaan negara, tumpuan yang menyeluruh perlu diberikan kepada usaha-usaha ke arah peningkatan produktiviti dan penjanaaan ekonomi yang mampan.

Justeru, penghasilan produk-produk perlu lebih kreatif, inovatif serta menawarkan pengalaman yang luar biasa. Pembangunan dan pemerksaan produk bitara sebagai *signature product* yang unik bagi setiap destinasi pelancongan. Ini secara tidak langsung mewujudkan daya saing yang kompetitif, meningkatkan produktiviti dan merangsang penciptaan peluang pekerjaan. Usaha ini dapat direalisasikan melalui program pembangunan keusahawanan yang efektif dan bersesuaian kepada setiap segmen perniagaan.

Transformasi secara digital dalam melaksanakan transaksi dan promosi perniagaan perlu diberi fokus penting terutama dalam mengadaptasi pengamalan norma baharu. Kemajuan teknologi juga dapat memperluas serta memperkukuh jaringan kerjasama dalam kalangan pemain industri dan membuka ruang bagi sub-sektor inovatif baharu. Insentif dan bantuan dalam bentuk kewangan, kepakaran, kemudahan ruang dan pentadbiran diberikan kepada penggiat industri dalam kalangan badan bukan kerajaan, pihak swasta dan komuniti dalam menjana pendapatan, seterusnya merangsang ekosistem pelancongan dan kebudayaan negara.

Strategi 3

MENGADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL

BIDANG FOKUS

- *Big Data*
- Dokumentasi Secara Digital

Landskap industri pelancongan dan kebudayaan negara terus berkembang dan berubah seiring dengan perkembangan teknologi digital seperti data raya, *internet of things*, teknologi *blockchain*, *artificial intelligent* dan pelbagai inovasi pintar yang lain. Selaras dengan Revolusi Industri 4.0, pengembangan dan pamtapan produktiviti berteraskan teknologi adalah penting dalam memperkasa ekosistem pelancongan dan kebudayaan pintar. Pengadaptasian kepada teknologi digital secara meluas membolehkan industri pelancongan dan kebudayaan negara kekal berdaya saing di peringkat global.

Pengintegrasian data masa nyata (*real-time*) dan pembangunan sistem data raya berteknologi tinggi akan menjadi pemangkin kepada repositori dan perkongsian data yang efisien. Inisiatif ini membantu MOTAC merencana dasar serta strategi berkaitan pelancongan dan kebudayaan secara lebih sistematik dan bersasar. Pembangunan pakej pelancongan dan pemerksaan ekosistem kebudayaan dapat dilaksanakan secara proaktif dan inklusif dengan wujudnya sistem pengurusan data yang berkesan.

Proses pendokumentasian dan pembudayaan kerja secara dalam talian dilihat sebagai sebahagian usaha-usaha transformasi cara kerja secara manual kepada bentuk digital. Pengadaptasian teknologi ini menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian, menjamin kelestarian ekosistem serta memperluaskan kebolehcapaian kepada produk serta perkhidmatan pelancongan dan kebudayaan.





Strategi 4

MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR

BIDANG FOKUS

- Penyelenggaraan Infrastruktur
- Kajian dan Penyelidikan
- *Centre of Excellence* (CoE)
- Program Pendidikan

Penguatkan kandungan dan infrastruktur secara berterusan memainkan peranan penting untuk memacu pertumbuhan industri pelancongan dan kebudayaan negara.

Pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur fizikal yang efisien sangat penting dalam membantu meningkatkan penghasilan produk pelancongan dan kebudayaan yang berkualiti, inovatif dan mempunyai nilai komersial. Ini secara langsung dapat menarik kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara serta meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti setempat.

Pemeriksaan kajian dan penyelidikan dilihat antara tumpuan penting sebagai medium penerokaan, mempelbagaikan dan memberi nilai tambah terhadap produk dan perkhidmatan pelancongan dan kebudayaan negara. Hasil kajian dan penyelidikan ini dapat memberi pendedahan dan pengetahuan secara lebih menyeluruh kepada masyarakat umum di samping menyemai semangat kesedaran dan kecintaan terhadap khazanah warisan negara.

Fungsi Pusat Kecemerlangan atau *Centre of Excellence* di bawah MOTAC diperluaskan dalam menyediakan platform pembangunan bakat melalui aspek kepimpinan, amalan terbaik, penyelidikan, sokongan dan latihan khususnya dalam bidang pelancongan dan kebudayaan.

Inovasi dan kreativiti dalam industri pelancongan dan kebudayaan mampu digilap sekiranya elemen kebudayaan dan pelancongan diterapkan dalam masyarakat di pelbagai peringkat pendidikan. Justeru, program pendidikan berteraskan pelancongan dan kebudayaan di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi perlu diberi perhatian bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang kukuh jati diri dan sayangkan negara.

Strategi 5

MEMPERKASA JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK

BIDANG FOKUS

- Kerjasama Pintar (Industri)
- Kerjasama Strategik (Kerajaan)

Pemeriksaan jaringan kerjasama strategik khususnya dalam sektor pelancongan dan kebudayaan memainkan peranan penting dalam melonjakkan imej serta visibiliti negara di persada antarabangsa. Hubungan yang baik dengan pelbagai pihak termasuk pemain industri, sektor swasta, kerajaan negeri dan agensi antarabangsa menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi negara, daya saing industri serta pengiktirafan terhadap aset-aset bernilai negara.

MOTAC telah mensasarkan strategi-strategi komprehensif bagi menggalakkan kerjasama pintar dalam kalangan pemain industri bagi memajukan sektor pelancongan dan kebudayaan negara. Antara pelaksanaan kerjasama pintar yang direncanakan adalah berbentuk penganjuran program dan acara pelancongan dan kebudayaan dengan penglibatan pelbagai pihak sama ada kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan.

Penyertaan Malaysia dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa memupuk dan mengukuhkan jalinan kerjasama dalam kalangan anggota dalam pelbagai bidang termasuk pelancongan, kesenian, kebudayaan dan warisan. Secara tidak langsung, hubungan baik ini akan membuka lebih banyak peluang pelaburan dan promosi bagi memacu pembangunan ekonomi negara. MOTAC juga akan mempergiatkan pelbagai kolaborasi melalui ikatan perjanjian dan persefahaman bagi meletakkan pelancongan dan kebudayaan di Malaysia seiring dengan arus pergerakan global.

Kerjasama strategik dalam penganjuran program di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri dapat memantapkan penyelarasan dan sinergi antara bahagian/jabatan/agensi MOTAC.





Strategi 6

MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN PRODUK

BIDANG FOKUS

- Pengiktirafan Produk
- Budaya Penyampaian
- Pembangunan Standard

Kecekapan dan ketelusan dalam menyampaikan perkhidmatan dan produk merupakan aspek penting dalam membangun dan memperkukuh ekosistem pelancongan dan kebudayaan negara. Secara tidak langsung, perkhidmatan dan produk yang berkualiti mampu mencerminkan imej yang baik kepada sesebuah organisasi yang dilihat melalui aspek tadbir urus dan perancangan yang efektif.

Fokus meningkatkan imej dan visibiliti negara melalui pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga perlu diberi keutamaan. Aspek pengiktirafan ini membuktikan peranan dan penglibatan negara secara berterusan dalam badan atau pertubuhan antarabangsa dan serantau seperti United Nations World Tourism Organization (UNWTO), United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), Association of Southeast Asian Nation (ASEAN) dan Asia Pacific Cooperation (APEC). Di samping itu, pengiktirafan ke atas khazanah warisan kebudayaan dan alam semula jadi negara juga perlu dipergiatkan kerana berpotensi diterokai sebagai produk pelancongan baharu negara.

Pembangunan dan pengukuhan standard perlu dijadikan rujukan agar perkhidmatan dan produk yang disampaikan berfungsi dengan efisien dan mempunyai kualiti yang konsisten. Standard yang diperkenalkan MOTAC seperti Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA), ASEAN Standards dan Muslim Friendly Tourism Accommodation adalah penting bagi menjamin mutu perkhidmatan, kemudahan dan produk pelancongan serta selari dengan keperluan semasa industri pelancongan. Bagi menambah nilai kepada standard-standard ini, jalinan kerjasama dengan badan-badan akreditasi/persijilan antarabangsa seperti World Health Organisation (WHO), World Travel & Tourism Council (WTTC) - Safe Travels Stamp, Ecolabel dan Global Sustainable Tourism Council (GSTC) boleh diterokai untuk dilaksanakan.

Aspek penyampaian berkualiti perlu dititikberatkan dalam setiap perkhidmatan dan produk yang diberikan khusus kepada mereka yang berkecimpung dalam bidang pekerjaan industri pelancongan dan kebudayaan. Pengamalan 'Budaya Nilai Tinggi' perlu diterapkan kepada setiap lapisan masyarakat sama ada melalui pendidikan, latihan dan kempen yang berkesan.

Strategi 7

MENDAYAUPAYAKAN USAHA-USAHA KE ARAH KELESTARIAN

BIDANG FOKUS

- Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Perlindungan
- Promosi dan Pendidikan
- Bantuan dan Insentiff

Usaha-usaha pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan khazanah warisan negara perlu ditingkatkan sebagai agenda utama untuk menyemarakkan ekosistem pelancongan dan kebudayaan negara. Justeru, agenda melestarikan warisan budaya dan alam semulajadi adalah penting bagi memastikan kelangsungan keunikan dan keaslian dapat terus dinikmati oleh generasi kini dan akan datang. Secara tidak langsung juga, aset khazanah warisan negara yang sangat berharga ini dapat diterokai sebagai produk pelancongan baharu dan usaha meningkatkan sosioekonomi negara.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) diwujudkan dengan tujuan memelihara, memulihara dan melindungi pelbagai kategori warisan ketara dan tidak ketara melalui aktiviti perundangan dan penguatkuasaan. Kedua-dua elemen ini merupakan tulang belakang dalam tadbir urus warisan negara terutama dalam mendepani pelbagai cabaran dan persaingan pembangunan negara.

Pelan Eko Pelancongan Negara turut diperkenalkan sebagai hala tuju dalam memperkukuhkan pembangunan eko pelancongan melalui usaha pemuliharaan tapak eko pelancongan di Malaysia. Melalui pelaksanaan di bawah pelan ini, Malaysia diharap dapat diangkat sebagai salah satu destinasi eko pelancongan terkemuka dunia yang mengamalkan pengurusan yang mampan terhadap alam sekitar di samping mampu meningkatkan pendapatan negara.

Pendedahan mengenai kepentingan memelihara, memulihara dan melindungi warisan kebudayaan dan alam semulajadi negara perlu dipergiatkan melalui program dan aktiviti promosi dan pendidikan melibatkan sektor awam, badan bukan kerajaan dan swasta. Pelbagai inisiatif dalam bentuk bantuan dan insentif turut dirancang bagi menggalakkan pembabitan pelbagai lapisan masyarakat dalam mendukung usaha ini.





Strategi 8

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

BIDANG FOKUS

- Ganjaran dan Pengiktirafan
- Kompetensi Penggiat Industri
- Kebajikan Pekerja
- Pemantapan Institusi Pendidikan

Pembangunan modal insan merupakan faktor penting dalam menggerak dan mengembang potensi sesuatu industri. Ketersediaan tenaga kerja yang kompeten dan berkemahiran tinggi adalah penting melalui penguasaan pengetahuan dan kemahiran dengan lebih kreatif dan inovatif.

Kompetensi perlu diberikan penekanan dan penilaian secara berterusan melalui pelbagai kursus dan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan khususnya dalam kerjaya di bawah industri pelancongan dan kebudayaan. Program berbentuk *upskilling* dan *reskilling* harus diketengahkan dalam meningkatkan kebolehpasaran profesion melalui produk serta perkhidmatan. Melalui program dan aktiviti berteraskan pembangunan kompetensi dapat menghasilkan guna tenaga berkepakaran dan sentiasa berdaya saing. Galakan peningkatan kompetensi melalui kaedah pembelajaran sepanjang hayat perlu diteruskan dan dijadikan agenda bagi melestarikan industri pelancongan dan kebudayaan.

Program pengiktirafan dan ganjaran kepada para penggiat industri adalah penting sebagai rangsangan atau insentif dan penghargaan memajukan lagi industri. Penganugerahan tokoh industri dinilai melalui personaliti, kemahiran, pengetahuan dan sumbangan kepada sektor pelancongan dan kebudayaan. Pelantikan ikon serta duta khas dalam mempromosikan program-program berpotensi merencanakan landskap pelancongan dan kebudayaan negara. Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS) yang ditubuhkan bagi menyalurkan bantuan kebajikan serta sumbangan kepada golongan penggiat seni budaya adalah penting sebagai platform membalas jasa atas sumbangan mereka kepada industri. Selain itu, insentif berbentuk bantuan kewangan, pentadbiran serta kemudahan lain perlu juga diberi perhatian.

Pusat-pusat pengajian serta akademi seperti ASWARA dan IKN membangunkan pelbagai kursus dan program kepada belia dan penggiat industri serta staf dalaman dalam meningkatkan kemahiran serta pengetahuan berlandaskan evolusi pengajaran dan pembelajaran terkini. Jalinan kerjasama antara pusat pengajian dan institusi latihan di peringkat domestik dan antarabangsa perlu diperhebatkan bagi memenuhi permintaan dan pasaran industri pada masa hadapan.

PENDAYAUPAYA

BIDANG FOKUS

- Tadbir urus kewangan
- Pengurusan sumber manusia
- Pengadaptasian teknologi
- Pembangunan Prasarana

Dalam usaha mewujudkan ekosistem industri pelancongan dan kebudayaan yang inklusif, teras-teras utama termasuk bidang fokus perlu didukung dari aspek kewangan, sumber manusia, teknologi dan prasarana yang kondusif. Selain memperuntukkan sumber kewangan yang optimum, kecekapan pengurusan kewangan adalah penting. Prosedur-prosedur kewangan perlu dikaji dan diperkemas supaya dapat membantu dan mempercepatkan proses-proses berkaitan di semua peringkat. Tadbir urus kewangan yang baik menjamin kecemerlangan organisasi. Struktur organisasi yang mantap dan pengurusan sumber manusia yang cekap pula dapat meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Pelan penggantian pegawai dan usaha pembangunan kepakaran dalaman (SME) harus diberi perhatian yang sewajarnya. Kompetensi pegawai perlu ditingkatkan melalui pelan operasi latihan yang dilaksanakan secara sistematik. Penekanan kepada pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dapat melestarikan momentum pencarian dan penguasaan ilmu pengetahuan yang berterusan.

Dunia hari ini banyak bergantung kepada pengadaptasian teknologi canggih (IR 4.0). Tumpuan harus diberikan ke arah mendayaupayakan perkhidmatan berasaskan teknologi digital termasuk membangunkan sistem pangkalan data (*big data*) yang mantap dan canggih. Komunikasi masa depan juga lebih tertumpu kepada keupayaan penggunaan atas talian atau *web-based*. Usaha-usaha mendayaupayakan teknologi terkini perlu disokong oleh prasarana (fizikal) yang mencukupi. Perancangan dan pembangunan prasarana yang sistematik yang memenuhi kehendak industri merupakan cabaran masa hadapan. Di samping pelan pembangunan prasarana berimpak tinggi secara holistik, aspek penyelenggaraan prasarana sedia ada harus juga diberi perhatian.

Ringkasnya, keempat-empat pendayaupaya ini akan mendukung strategi dan pelan tindakan setiap teras utama yang dirangka dan dirancang pelaksanaannya melalui strategi dan pelan tindakan masing-masing.



KERANGKA PELAN STRATEGIK MOTAC 2021-2025

VISI

Malaysia – Destinasi Lestari Kaya Budaya

MISI

Memperkasakan Ekosistem Industri Pelancongan dan Kebudayaan yang Inklusif

TERAS UTAMA

1	2	3	4	5	6	7	8
Memperkasakan Tadbir Urus	Merangsang Produktiviti Penjana Ekonomi	Mengadaptasi Teknologi Digital	Menguatkan Pembangunan Kandungan dan Infrastruktur	Memperkasakan Jaringan Kerjasama Strategik	Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan dan Produk	Mendaya Upayakan Usaha-usaha Ke Arah Kelestarian	Membangunkan Modal Insan

BIDANG FOKUS

<ul style="list-style-type: none"> Sistem Penyampaian Perkhidmatan Penguatkuasaan Dasar dan Perundangan Penguatkuasaan Organisasi 	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Produk Pembangunan Kemahiran Adaptasi Teknologi Pengewangan (<i>Monetising</i>) Insentif dan Kerjasama Pintar 	<ul style="list-style-type: none"> <i>Big Data</i> Dokumentasi Secara Digital 	<ul style="list-style-type: none"> Penyeleggaran Infrastruktur Kajian dan Penyelidikan <i>Centre of Excellence (CoE)</i> Program Pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> Kerjasama Pintar (Industri) Kerjasama Strategik (Kerajaan) 	<ul style="list-style-type: none"> Pengiktirafan Produk Budaya Penyampaian Pembangunan Standard 	<ul style="list-style-type: none"> Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Perlindungan Promosi dan Pendidikan Bantuan dan Insentif 	<ul style="list-style-type: none"> Ganjaran dan Pengiktirafan Kompetensi Penggiat Industri Kebajikan Pekerja Pemantapan Institusi Pendidikan
---	---	---	---	---	--	---	--

PENDAYAUPAYA: KEWANGAN, SUMBER MANUSIA, TEKNOLOGI, PRASARANA

PULAU SIPADAN
SABAH



STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

**TERAS STRATEGIK 1
MEMPERKASA TADBIR URUS**

